

Sungai Batu ubah fakta tamadun awal

Penemuan artifak bernilai di 29 tapak di Lembah Bujang lebih tua dan

B/H 8/12/12

SEBELUM sekumpulan pakar arkeologi Universiti Sains Malaysia (USM) menjalankan eskavasi di Sungai Batu, Lembah Bujang di Merbok, Kedah, banyak pihak beranggapan bahawa tamadun terawal di rantau ini adalah sama ada di Angkor Wat di Kemboja, Borobudur di Indonesia atau kawasan bersejarah lain di Thailand atau Vietnam.

Namun, satu penemuan di Sungai Batu di Lembah Bujang, berikutan kajian yang bermula sejak 2009 di sebuah ladang sawit di Jalan Lencongan Merbok seluas empat kilometer persegi, akan mengubah tanggapan mengenai tamadun awal itu.

Proses eskavasi oleh USM yang masuk fasa keempat pada tahun ini berjaya membuktikan kepada dunia bahawa tapak Sungai Batu adalah tamadun tertua di Asia Tenggara.

Pengarah Pusat Penyelidikan Arkeologi Global (PPAG) USM, Prof Madya Dr Mokhtar Saidin, berkata sehingga akhir tahun lalu pihaknya telah membuka 29 tapak daripada 97 tapak keseluruhan yang dikenal pasti mempunyai artifak sejarah yang penting bagi menjalankan eskavasi di situ.

“Kita sudah dapat bukti sampai ke peringkat usia 50 tahun sebelum masehi mungkin akan ada yang lebih tua tidak tahulah bila kita buka lagi tahun ini. Jadi tapak Sungai Batu buat masa sekarang berdasarkan tarikh yang ada adalah tamadun tertua di Asia Tenggara,” katanya.

Mokhtar berkata, pihaknya menjumpai tapak menunjukkan kesan wujud aktiviti melebur besi dan pelabuhan yang membuktikan masyarakat ketika itu telah mengalami transformasi ekonomi kerana sudah mula menjalankan aktiviti perdagangan.

“Apa yang kita jumpa di situ adalah



tempat pelepasan besi, kita ada bukti jeti tepi sungai macam ada pelabuhan, kita juga ada jumpa bangunan ritual, bangunan ibadat cuma kita tidak tahu lagi sekarang ini ia mewakili ibadat apa. Itu semua tidak tahu lagi," katanya.

Beliau berkata, pelbagai persoalan masih tidak terjawab seperti tapak kubur dan perumahan masyarakat pada waktu itu belum dijumpai dan ia memerlukan proses eskavasi secara berterusan.

Mokhtar berkata, Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) mempunyai perancangan untuk membangunkan kawasan Sungai Batu itu sebagai Taman Warisan Arkeologi Lembah Bujang supaya khazanah sejarah negara dapat dipelihara sebaik mungkin.

Beliau berkata, bagaimanapun untuk mewujudkan taman warisan itu ia perlu mengikut kepada aktiviti penyelidikan yang berterusan kerana banyak data belum lengkap sepenuhnya yang perlu dirungkai dari semasa ke semasa menerusi eskavasi.

Mokhtar berkata untuk permulaan KPKK akan mewujudkan galeri terlebih dahulu yang dijangka siap pertengahan tahun depan.

"Kita sudah mula perbincangan dan ada peruntukan daripada kementerian (KPKK) RM20 juta menerusi Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) iaitu separuh untuk pembelian tanah dan selebihnya akan dinaikkan galeri mungkin pertengahan atau hujung tahun depan siap.

"Sekarang sudah dalam proses buat

mesyuarat, tender dan sebagainya... ini dalam untuk buat galeri dan taman warisan untuk keseluruhan ada fasa-fasa, jadi fasa satu kita akan membangunkan galeri kemudian akan lebih luaslah," katanya.

Apabila disoal berkenaan mendapatkan pengiktirafan UNESCO, Mokhtar berkata, pihaknya belum membuat perbincangan terperinci dengan KPKK kerana untuk dicalonkan menjadi tapak warisan dunia yang diiktiraf UNESCO ia memerlukan kajian yang lebih mendalam.

Beliau berkata elemen penting yang diperlukan dalam pengiktirafan itu ialah bukti saintifik yang boleh mendapat pengiktirafan dunia.

"Kementerian memang ada perancangan, tetapi kita belum bawa bincang dengan terperinci sebab untuk dicalonkan jadi warisan dunia ia perlukan data lengkap jadi kajian kena dijalankan dengan terperinci dulu tak boleh dicalonkan macam itu saja.

"Ada bukti saintifik dunia iktiraf baru boleh dicalonkan... masih banyak data belum lengkap di Lembah Bujang ini yang perlukan penyelidikan baru boleh dapat pencalonan," katanya.


Kini lebih 100 orang terbabit dalam proses eskavasi di Sungai Batu itu yang membabitkan pakar arkeologi dari USM serta pelajar siswazah dan doktor falsafah (PhD) USM selain penduduk kampung berdekatan di situ.

"Staf dari USM ada 20 pelajar siswazah

dan PhD USM ada lebih kurang 20 orang juga dan kita juga gunakan khidmat penduduk kampung seramai 100 orang," katanya.

Kesan positif daripada penemuan artifak bersejarah oleh sekumpulan pakar arkeologi USM itu secara langsung bakal menjadikan ia produk pelancongan yang bernilai kepada Merbok.

Bagaimanapun, Mokhtar berkata, un-




TAPAK sejarah hasil penemuan pakar arkeologi Lembah Bujang, Merbok.

val Asia Tenggara

aripada Angkor Wat, Borobudur

MS 2

● JAUHARIATUL AKMA | BERITA HARIAN



MOKHTAR memberi penerangan kepada sekumpulan media mengenai tapak kavasi yang menemukan lebih 200 peralatan batu pelbagai bentuk.



MOKHTAR menunjukkan artifak yang ditemui di Sungai Batu.



Kita sudah dapat bukti sampai ke peringkat usia 50 tahun sebelum masihi mungkin akan ada yang lebih tua tidak tahulah bila kita buka lagi tahun ini. Jadi tapak Sungai Batu buat masa sekarang berdasarkan tarikh yang ada adalah tamadun tertua di Asia Tenggara

Dr Mokhtar Saidin

Pengarah Pusat Penyelidikan Arkeologi Global (PPAG) USM



tuk ke arah itu, pelbagai pihak perlu menjalankan tanggungjawab masing-masing bagi membangunkan Sungai Batu itu sebagai kawasan pelancongan terkemuka.

“Semua orang kena ada pembabitan bukan kajian USM saja, tetapi kerajaan negeri, persekutuan dan orang setempat juga penting,” katanya.

Beliau berkata, Sungai Batu mempu-



Universiti Sains Malaysia di Sungai Batu,

nyai potensi untuk menjadi satu produk pelancongan yang berharga, namun agensi terlibat perlu mengetahui cara yang betul untuk membangunkan kawasan itu mengikut peredaran zaman.

“Sudah pasti menjadi satu produk pelancongan, tetapi kena tahu cara nak bangunkan sebab ia bukti penting jadi kita tidak mahu ia jadi muzium biasa. Ia kena mengikut peredaran zaman yang mana sekarang ini ia kena memerlukan data lebih interaktif.

“Kalau kita tengok saja tak ada penjelasan interaktif, tak ada pengetahuan... kena tahu bagaimana penyampaian kita buat dari tapak yang mati kaku itu nak bawa ia hidup supaya orang faham jadi itu suatu cabaran kepada agensi membangunkan kawasan itu supaya ia hidup...antara penyelidikan, antara panorama, antara isi yang boleh dibangunkan kena penerangan yang betul,” katanya.

Tinjauan di tapak eskavasi Sungai Batu itu mendapati ada sungai berdekatan tapak penemuan jeti yang dipanggil Sungai Kuno serta terusan paya yang sedang dibuka untuk penyelidikan.

Selain itu, terdapat tapak yang telah dibuka menunjukkan kesan runtuh bangunan yang belum dikenal pasti kegunaan bangunan itu kerana masih dalam proses kajian.

Pada 10 Mei lalu, Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr Rais Yatim, mengisytiharkan 154 butiran sebagai Warisan Kebangsaan Negara, yang termasuk Tapak Arkeologi

Sungai Batu yang dikategorikan sebagai Warisan Ketara, selain Bukit Bunuh, Lenggong dan Gua Batu Tambun, keduanya di Perak.

Rais dalam satu lawatannya ke Kedah tidak lama dulu berkata Sungai Batu, yang disahkan sebagai penempatan tamadun seawal abad pertama, akan dibangunkan menjadi pusat pameran tamadun manusia yang diiktiraf UNESCO.

Beliau berkata Kementerian akan membawa wakil UNESCO untuk memberi penilaian baru terhadap penemuan artifak di Sungai Batu yang sudah di diokarbon dan disahkan di Amerika Syarikat, Jepun dan Korea bertarikh abad pertama atau tarikh 101.

“Ini adalah fakta sejarah arkeologi bahawa tamadun pertama wujud di Lembah Bujang, lebih tua daripada Manusia Perak yang ditemui di Lenggong dan mendapat pengiktirafan UNESCO sebagai warisan dunia. Saya telah dua kali bantangkan laporan tamadun Sungai Batu kepada Kabinet kerana mahu penemuan bersejarah ini tidak dipandang ringan.

“Selain UNESCO, Kementerian juga akan meminta pakar antarabangsa membuat pembentangan dari sudut sejarah sementara USM meneruskan kajian di tapak penemuan artifak di Sungai Batu,” katanya.

Rais berharap budaya Langkasuka kurun pertama yang ditemui di Sungai Batu akan popular dan menjadi tumpuan hasil pembangunan yang bakal dilaksanakan.

- BERNAMA